

Menjelang keputusan kes Pulau Batu Puteh oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa

# Penghujung 'pertikaian' dua sahabat

## Malaysia, Singapura harus kekal keharmonian selepas keputusan ICJ 23 Mei

Oleh Dr Rais Yatim

**S**ATU panel 16 hakim Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) akan ber sidang di The Hague, Belanda, 23 Mei ini untuk mengumumkan satu-satunya keputusan kes terpenting membabitkan kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh, Middle Rocks dan South Ledge, yang mejadi pertikaian sempadan berlarutan antara Malaysia dan Singapura.

Walau apapun keputusan ICJ kelak – sama ada memihak kepada Malaysia atau sebaliknya – rakyat Malaysia sudah tentunya akan berpegang kepada prinsip menghormati keluhuran undang-undang antarabangsa.

Sejak turun-temurun, Pulau Batu Puteh – yang berkeluasan lebih kurang setengah padang bola sepak dan terletak 7.7 batu nautika dari pantai negeri Johor di Tanjung Penyusoh – adalah tempat berlindung dan berehat bagi nelayan yang berulung- ulung mencari rezeki di sekitar perairan yang kaya dengan khazanah laut.

terpaksa memilih saluran undang-undang antarabangsa berhubung isu ini. Keputusan untuk merujuk pertikaian yang timbul kepada pihak ketiga dilakukan hanya selepas semua usaha melalui saluran diplomatik dan politik menemui jalan buntu.

Sebelum ini, Malaysia pernah membuat pilihan seumpama ini sebanyak dua kali. Pertikaian wilayah antara Malaysia dan Indonesia terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan di perairan Sabah sudah dirujuk kepada ICJ, manakala kebimbangan kita terhadap kerja penambakan laut yang dilaksanakan Singapura menyebabkan Malaysia memulakan prosiding timbang tara di Tribunal Antarabangsa bagi Undang-Undang Laut (ITLOS).

Dalam kes tuntutan terhadap Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, ICJ dengan keputusan majoriti 16-1 yang dibuat pada 17 Disember 2002, mendapati bahawa kedua-dua pulau itu adalah milik Malaysia. Berhubung kes kerja penambakan laut oleh Singapura pula, ITLOS mengeluarkan perintah sementara pada 9 Oktober 2003, yang

diabaikan demi menyediakan hujah paling kukuh untuk dikemukakan kepada ICJ.

Persediaan Malaysia untuk menghadapi kes ini juga tidak mungkin berjaya tanpa bantuan daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Arkib Negara, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia serta Kerajaan Negeri Johor. Kerjasama antara agensi kerajaan turut membabitkan tidak kurang 35 kementerian, agensi, jabatan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan institusi pengajian tinggi awam. Ia boleh dijadikan salah satu kajian kes mengenai kerjasama dan dedikasi dalam memper tahankan kepentingan tanah air.

Bagi memberi gambaran betapa lamanya jangka masa hampir 30 tahun diambil untuk membuat persediaan kes Pulau Batu Puteh, bayangkan bagaimana teraju utama di Kementerian Luar, sebagai contohnya, sudah bertukar tangan bukan sekali dua, tetapi tujuh kali!

Kerja penyelidikan kes ini bermula ketika Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail memegang jawatan Menteri

tidak boleh dijamin keputusannya. Apa yang boleh kita lakukan hanyalah menyediakan hujah terbaik, dengan harapan bahawa barisan hakim akan bersetuju dan membuat keputusan menyebelahi kita.

Seperti yang saya sampaikan kepada rakan sejawatan saya di Singapura, jika penghakiman ICJ kelak menyebelahi Malaysia, maka Singapura mestilah sedia menerima hakikat ini. Dan jika penghakiman menyebelahi Singapura pula, maka Malaysia akan menerima keputusan itu. Sebagaimana kedua-dua negara menghormati undang-undang antarabangsa, begitu jugalah kedua-dua pihak perlu menghormati keputusan ICJ. Tidak syak lagi, rakyat Malaysia juga sedemikian.

Pertikaian mengenai Pulau Batu Puteh sesungguhnya boleh diibaratkan seperti duri dalam daging dan menjengkelkan. Ia melintang hubungan kita dengan salah satu jiran terdekat daripada kalangan anggota Asean. Kita berharap agar resolusi terhadap pertikaian ini dapat membuka laluan bagi memudahkan penyelesaian isu

Tetapi, tiga dekad lalu hingga kini muncul pula satu tuntutan terhadap pulau itu yang selama ini menjadi sebahagian daripada jajahan Kesultanan Johor. Ia bermula apabila Singapura pada 14 Februari 1980 menghantar nota bantahan terhadap peta Malaysia terbitan 1979 yang secara jelas meletakkan Pulau Batu Puteh sebahagian wilayah Malaysia.

Selepas itu, Singapura turut melebarkan tuntutannya ke atas Middle Rocks dan South Ledge berdekatan dengan Pulau Batu Puteh pada Februari 1993. Pada 6 Februari 2003, Malaysia dan Singapura sudah menandatangani satu perjanjian khas membawa pertikaian itu untuk pengadilan ICJ.

Pendirian Malaysia dalam perkara ini adalah jelas dan mudah. Seperti mana yang sudah kita nyatakan dalam hujah Malaysia ketika pembicaraan di ICJ, kita percaya bahawa Pulau Batu Puteh selama ini adalah sebahagian daripada wilayah negeri Johor. Kita sudah menekankan pada ICJ bahawa tiada perkara berlaku yang boleh mengetepikan kedaulatan Malaysia terhadap pulau itu.

Kehadiran Singapura di Pulau Batu Puteh hanyalah bertujuan untuk membina dan mengurus rumah api dengan izin pemiliknya, Kerajaan Johor, tanpa mengalih kedaulatan Malaysia ke atas Pulau Batu Puteh.

Negara kita mempunyai lebih daripada 1,000 pulau. Banyak di antaranya terletak di perairan strategik dan kaya dengan sumber alam, maka tidak hairanlah jika kadangkala muncul pertikaian wilayah yang membabitkan pulau itu atas sebab tertentu. Adalah malang apabila Malaysia akhirnya

terpatah, tiga dekad lalu hingga kini muncul pula satu tuntutan terhadap pulau itu yang selama ini menjadi sebahagian daripada jajahan Kesultanan Johor. Ia bermula apabila Singapura pada 14 Februari 1980 menghantar nota bantahan terhadap peta Malaysia terbitan 1979 yang secara jelas meletakkan Pulau Batu Puteh sebahagian wilayah Malaysia.

Dalam kedua-dua kes ini, keputusan prosiding mengesahkan pendirian Malaysia dan membuktikan apa yang kita percaya selama ini adalah benar. Tetapi keputusan ini tidak mungkin boleh dicapai Malaysia tanpa penyediaan kes yang rapi, teliti dan terancang yang boleh disifatkan bertaraf dunia. Prestasi rekod yang membanggakan ini diteruskan dalam penyediaan kes Pulau Batu Puteh di ICJ.

Tiga daripada lima pakar undang-undang antarabangsa yang mewakili Malaysia pada prosiding Pulau Batu Puteh di ICJ sudah mewakili negara ketika kes Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, dan juga ketika ITLOS mengenai kes kerja penambakan laut oleh Singapura.

Ketiga-tiga mereka – Profesor Universiti Cambridge, Sir Datuk Elihu Lauterpacht QC dan Datuk James Crawford berserta dengan Profesor Undang-Undang Antarabangsa Universiti Leiden, Datuk Nicolaas Jan Schrijver – adalah antara yang terbaik dalam bidang mereka.

Di bawah kepemimpinan Tan Sri Abdul Kadir Mohamad, wakil Malaysia untuk kes Pulau Batu Puteh dan dibantu Datuk Noor Farida Ariffin yang bertindak sebagai Wakil Bersama, pasukan undang-undang kita menyediakan kes ini yang membabitkan kerja penyelidikan hampir 30 tahun. Lebih daripada 55 pakar terbabit dalam pencarian rekod dan maklumat di sekitar 40 lokasi dan sembilan negara. Tiada usaha

Luar. Beliau diganti Tun Mohd Ghazali Shafie pada 1981, tetapi dilantik semula sebagai Menteri Luar pada 1984.

Saya pula dilantik sebagai Menteri Luar dua tahun kemudian dan diganti Tan Sri Abu Hassan Omar pada 1987. Namun, kerja penyelidikan berkaitan kes Pulau Batu Puteh tetap berterusan sehingga Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Menteri Luar pada 1991 dan sampailah Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mengambil alih jawatan itu pada 1999.

Kini, seperti ditakdirkan, saya sekali lagi diberi kepercayaan menerajui Kementerian Luar ketika kes Pulau Batu Puteh hampir sampai ke noktahnya. Semua Menteri Luar yang mendahului saya sejak tiga dekad lalu wajar diberi pengiktirafan. Rentetan khidmat itu boleh dianggap umpama sebuah obor yang dibawa silih berganti. Rasanya tidak kena sekiranya saya tidak juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai yang terbabit – ada di antara mereka bersara – yang sudah berkhidmat dengan penuh dedikasi demi memastikan penyediaan terbaik kes ini di ICJ.

Kes ini amat dekat di hati kita. Bukan saja kerana masa dan usaha yang dicurahkan, tetapi atas rasa tanggungjawab bersama kepada rakyat Malaysia untuk melakukan yang terbaik demi mempertahankan kedaulatan tanah air.

Keputusan penghakiman pada 23 Mei ini akan menandakan bukan saja berakhirnya satu perjalanan yang panjang, tetapi juga dari segi matlamatnya yang berbaloi. Akan tetapi semua pihak harus menerima hakikat bahawa mana-mana kes mahkamah

dua hala yang lain di antara Malaysia dan Singapura.

Keputusan kita untuk merujuk pertikaian ini ke ICJ menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang menjunjung kedaulatan undang-undang dan mengesahkan kedudukan kita sebagai anggota masyarakat antarabangsa yang dihormati.

Tidak seharusnya akan timbul rasa sakit hati oleh mana-mana pihak, tidak kiralah apa pun keputusan mahkamah ICJ kelak. Malaysia dan Singapura sudah pun memberi persetujuan dalam perkara ini. Kedua-dua negara juga bersetuju untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama yang akan diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Rastam Mohd Isa dan rakan sejawatannya dari Singapura, sebelum keputusan kes ini diumumkan ICJ.

Di hadapan kita berada cabaran sebenar. Dan, tugas sebenar baru saja bermula. Pada akhirnya, tindakan yang akan dilakukan Malaysia dan Singapura selepas 23 Mei ini akan menentukan sama ada kedua-dua pihak dapat mencapai apa yang saling dihasratkan – bagi menamatkan kelantangan berkaitan satu-satunya isu dua hala yang mengekang Malaysia dan Singapura selama lebih tiga dekad.

Walau apapun keputusannya, Malaysia dan Singapura seharusnya kekal sebagai rakan dan jiran yang saling terikat kukuh dengan semangat persefahaman dan keharmonian.

**Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim ialah Menteri Luar Malaysia**